

Banjir terburuk landa Kampar

Hujan tanpa henti selama empat jam jadi faktor utama



Zambry bermesra dengan kanak-kanak yang berada di Pusat Pemindahan Bencana di SMK Kampar.



Sebahagian daripada mangsa banjir di pusat pemindahan banjir di Sekolah Menengah Kampar.

NOOR'AINON MOHAMED YUSOF

KAMPAR - Di sebalik kebimbangan rakyat Malaysia dengan ancaman gempa bumi di Aceh dan kemungkinan Tsunami berlaku, 1,145 penduduk dari enam kampung, dekat sini dikejutkan dengan kejadian banjir apabila air dari limpahan Sungai Kampar secara tiba-tiba naik hingga ke paras bumbung kediaman.

Kejadian yang berlaku seawal jam 4 pagi itu nyata mengejutkan ramai pihak yang menganggap ia banjir terburuk sejak 25 tahun lalu.

Hujan lebat selama empat jam sejak malam semalam itu nyata menjadi faktor utama menyebabkan paras air Sungai Kampar naik mendadak dalam masa beberapa minit sahaja menjadikan 254 keluarga panik untuk menyelamatkan diri masing-masing.

Antara kampung yang terlibat adalah Kampung Batu 20, Kampung Baru, Kuala Dipang, Kampung Malayan, Kampung Pasir dan Kampung Nyior.

Lebih 215 anggota pelbagai agensi terpaksa menggunakan 13 lori, enam

van dan tujuh bot dalam operasi menyelamatkan mangsa banjir seawal jam 5 pagi ke Pusat Pemindahan Bencana di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kampar dan Dewan Pulau Bergading.

Turut kelihatan menghulurkan bantuan adalah Exco Kerajaan Negeri, Datuk Dr Mah Hang Soon; Adun Tualang Sekah, Nolee Ashilin Mohd Radzi dan Adun Malim Nawar, Keshvinder Singh.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir turut turun padang meninjau keadaan mangsa.

Hujan luar biasa

Kerajaan Negeri akan berusaha sedaya upaya untuk membantu semua mangsa banjir yang kehilangan tempat tinggal dalam kejadian berkenaan.

Zambry berkata, melalui Majlis Keselamatan Negeri (MKN) pihaknya akan menyalurkan bantuan sewajarnya kepada mangsa yang kini tinggal sehelai sepinggang.

Menurutnya, kejadian itu disebabkan keadaan hujan luar biasa



Anggota Jabatan Pertahanan Awam membantu menolak bot keselamatan bagi mencari mangsa banjir yang mungkin terperangkap.

selama lebih empat jam yang menyebabkan paras air Sungai Kampar melimpah lalu mengakibatkan banjir di sekitar kawasan berkenaan.

"Kampung terlibat adalah Kampung Batu 20, Kampung Baru, Kuala Dipang, Kampung Nyior, Kampung Malayan dan Kampung Pasir.

"Kesemua mereka ditempatkan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kampar dan Dewan Pulau

Bergading," katanya selepas melawat mangsa banjir di Pusat Pemindahan Bencana di SMK Kampar, semalam.

Beliau yang mempunyai program bersama penduduk di Tronoh dan Batu Gajah bergegas ke pusat berkenaan untuk bertemu mangsa banjir yang terlibat.

Zambry berkata, beliau tidak mengaitkan bencana ini dengan kejadian gempa bumi di Aceh, kelmarin sebaliknya mengarahkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bertindak segera memperbaiki ban yang pecah.

"Ban itu perlu dibaiki kerana ia membabitkan soal nyawa dan keselamatan penduduk di sini. Saya harap ketua-ketua jabatan dapat membuat keputusan bijak dan pemantauan berterusan akan dilakukan oleh MKN," katanya.

Pada masa sama, kata Zambry, hujan itu juga telah menjejaskan beberapa kawasan di Ipoh apabila lebih 300 keluarga terpaksa dipindahkan awal pagi semalam.

"Ia melibatkan Kampung Sungai Jernih seramai 215 rumah, Kampung Masjid (76) dan Kampung Sangkut

STATISTIK

Mangsa: 1,145 orang, setakat ini yang diketahui; dewasa (464), kanak-kanak (207)

Keluarga: 254

Kampung: 6
Jumlah anggota penyelamat: 215 (pelbagai agensi)

Kenderaan penyelamat: Bot (7), Van (6), Lori (13)

Pusat pemindahan dibuka (setakat jam 9 malam): 2
● SMK Kampar: 767
● Dewan Pulau Bergading: 38

KRONOLOGI

Misi menyelamatkan mangsa banjir oleh anggota Bomba dan Penyelamat Kampar

4.12 pagi: Terima maklumat daripada IPD Kampar berkenaan banjir.

4.15 pagi: Jentera Kampar bersama 7 anggota keluar ke lokasi.

4.22 pagi: Jentera tiba di tempat kejadian dan operasi menyelamatkan dimulakan.

5.19 pagi: Minta bantuan JPAM dan Rela.

5.40 pagi: Bot bersama 6 anggota keluar ke tempat kejadian diketuai Ketua Balai Kampar.
(Ada terima maklumat mangsa terperangkap)

6.10 pagi: Hubungi pegawai minta bantuan tambahan bot.

6.12 pagi: 15 mangsa berjaya dikeluarkan

6.31 pagi: Mohon bantuan tambahan bot dari Balai Gopeng.

7.45 pagi: Hilux Balai Tapah bersama bot tiba untuk misi bantuan.

8 pagi: 10 lagi mangsa berjaya diselamatkan.

8.30 pagi: Pasukan Riverbug bersama peralatan datang untuk beri bantuan.

8.45 pagi: 30 mangsa berjaya diselamatkan.

9.40 pagi: Mangsa ditempatkan di penempatan banjir.

(26).

"Kejadian itu juga menyebabkan sebuah rumah penduduk di hanyutkan oleh arus Sungai Jernih dan menghentam sebuah lagi rumah penduduk," katanya.



Sebahagian daripada penduduk yang sedih melihat rumah mereka dinaiki air hingga paras bumbung.